



Forum Alumni Realisasikan Budaya Berilmu Berbakti



Antara jemputan terhormat yang hadir Dr. Rohani Ibrahim (dari kiri sekali), Dato' Dr. Mohamad Hashim Ahmad Tajuddin, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Prof. Dr. Tai Shzee Yew (kanan sekali).

SERDANG, 21 Mei – Alumni Universiti Putra Malaysia (UPM) merealisasikan budaya berilmu berbakti dengan melahirkan graduan yang berkualiti untuk berbakti dalam pembangunan negara melalui forum sambutan Hari Alumni 21 Mei.

Graduan UPM yang terdiri dari pelbagai bidang ilmu ini akan menyumbang bakti mereka ke pelbagai sektor pendapatan negara di samping mengharumkan nama universiti di mata dunia.

Mantan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) UPM tahun 1991 – 1999, Prof. Dr. Rahim Md. Sail berkata dulu UPM hanya menyediakan pengajian dalam bidang pertanian sahaja tetapi kini ia berkembang dan menawarkan pelbagai kursus seperti kejuruteraan, teknologi maklumat, pembangunan manusia dan perubatan setanding dengan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang lain.



Ahli panel forum membincangkan topik 'Serdang Heritage Merealisasikan Berilmu Berbakti'.

"Justeru, jelas bahawa alumni UPM mampu memberi impak yang besar kepada perkembangan bidang ekonomi dan pembangunan negara melalui sumbangan yang pelbagai terutama dalam sektor pertanian," katanya.

Majlis anjuran Pusat Alumni UPM dihadiri Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Pengarah Alumni UPM, Dr. Rohani Ibrahim sebagai pengurus Jawatankuasa Induk.

Pendaftar UPM, Wan Azman Wan Omar dan Presiden Alumni Kolej Ketiga (FORTIGA), Hafiiz Che Mat selaku ahli panel turut terlibat dalam perbicangan forum yang bertemakan ‘Serdang Heritage Merealisasikan Berilmu Berbakti’.

Wan Azman menekankan bahawa graduan UPM perlu mempunyai ilmu yang pelbagai dalam usaha mencapai misi dan visi universiti apabila mereka bergraduan dan bergelar alumni kelak.

“Lebih kurang 20 ribu graduan dari bidang pertanian UPM mampu mencipta kemajuan negara sekaligus melonjakkan nama universiti di peringkat antarabangsa melalui sumbangan dalam sektor pertanian,” katanya lagi.



Antara pelajar dari luar negara yang hadir ke majlis sambutan Hari Alumni.

Presiden Persatuan Alumni Kolej Ketiga UPM (FORTIGA), Hafiiz Che Mat berkata FORTIGA merupakan pendekatan paling berkesan untuk merapatkan hubungan yang terputus serta menjadi medan perkongsian ilmu dan pengalaman di antara warga Alumni dan pelajar UPM.

“Saya masih terlibat aktif dengan aktiviti yang melibatkan Kolej Tun Dr. Ismail (KTDI) UPM dan banyak memberi dorongan dan nasihat kepada pelajar ini untuk memperolehi kerja selepas mereka bergraduan kelak.

“Kami juga mempelbagaikan kerjasama dengan UPM melalui program berunsur sahsiah diri, motivasi dan pembentukkan konsep kendiri terutama dikalangan pelajar KTDTI,” katanya yang memperolehi bachelors komunikasi UPM pada tahun 2003.

**Berita ini disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.
(Mohd Faisal Md Noor 03-89466013).**